

PERBARISAN BULANAN KETUA CAWANG MATERIEL PANGKALAN UDARA KUCHING

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3379-perbarisan-bulanan-ketua-cawang-materiel-pangkalan-udara-kuching-3

KUCHING, 17 Apr 18 - Perbarisan bulanan Ketua Cawang Materiel telah diadakan di Pergerakan Udara PU Kuching. Perbarisan ini telah diketuai oleh Lt M Mohamad Norahakkim bin Ma'in TUDM. Dalam pada itu, turut diadakan sumbangan cenderahati kepada anggota yang baru berkahwin oleh KCM, Mej Omar Zai bin Abas TUDM. Dalam ucapan beliau telah memperingatkan kepada semua pegawai dan anggota terhadap keutamaan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan turut memberi penekanan terhadap aspek 3D (Dadah, Dera, Daesh). Beliau juga mengingatkan betapa pentingnya untuk mengambil peduli perubahan semasa yang berlaku di dalam TUDM terutamanya perubahan perjawatan pegawai-pegawai kanan Materiel bagi memudahkan urusan kerja pada masa akan datang.

